



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBHG. DATO' HAJI ROSLI BIN ISA  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN TENAGA DAN  
SUMBER ASLI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP  
PROGRAM PENDAKIAN 121 PUNCAK  
(FORESTRY 121 PEAKS) SEMPENA SAMBUTAN ULANG  
TAHUN 121 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

**16 OKTOBER 2022 (AHAD)**

**TAMAN EKO RIMBA KUALA LUMPUR**

**4.00 PETANG**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

**YBHG. DATO' INDERA MOHD RIDZA BIN AWANG**

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

**YBHG. DATO' HJ. ZAHARI BIN IBRAHIM**

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**YBHG. DATO' MOHD RAHIM BIN RANI**

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi dan Teknikal)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia

**YBHG. PUAN NORSHAM BINTI ABDUL LATIP**

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan Biodiversiti & Perhutanan)

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD HAFIZ B. HAMZAH**

Pengarah Perhutanan Negeri Wilayah Persekutuan

**YANG SETIA TUAN MD ALI BIN ISMAIL**

Pengarah Latihan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

**YBHG. DATO' RADHAKRISHNAN**

Pengarah Urusan

Universal Fitness & Leisure

**YBHG. DATO' LIM THIAM HUAT**

Pengarah Urusan

Nextgreen Global Berhad

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD YUSSAINY BIN MD YUSOP**

Pengarah Bahagian Forest Eco-Park dan Hutan Taman Negeri

Penyelaras Program 121 Puncak

Pegawai-pegawai KeTSA dan JPSM; serta tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan izinNya jua kita dapat berkumpul hadir dalam Majlis Penutup Program Pendakian 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*) Sempena Ulang Tahun ke-121 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Dato' Indera KP JPSM kerana menjemput saya hadir ke Majlis Penutup Program ini yang di adakan secara serentak di seluruh Semenanjung Malaysia pada hari ini. Sekalung tahniah kepada JPSM kerana telah mencapai umur yang ke-121 tahun sejak penubuhannya pada 1901. Sepanjang tempoh tersebut, saya percaya banyak cabaran yang telah ditempuhi oleh JPSM dalam mengurus dan

membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

3. Bagi pihak KeTSA, saya amat mengalu-alukan usaha berterusan JPSM dalam mengadakan program yang melibatkan rakyat secara langsung seperti Program Pendakian 121 Puncak (*Forestry 121 Peaks*). Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada rakan strategik JPSM iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Universal Fitness & Leisure Sdn Bhd dan Nextgreen Global Berhad dalam menjayakan Program Pendakian 121 Puncak bagi membantu komuniti rekreasi di Malaysia membuat percubaan mencatat rekod baru **Pendakian Gunung Terbanyak Secara Serentak** pada hari ini.
  
4. Saya difahamkan inisiatif program pendakian 121 puncak telah mendapat sambutan yang sangat baik dikalangan komuniti rekreasi di Malaysia. Sebanyak **165 lokasi pendakian Gunung dan Bukit** telah di daftarkan pada hari ini yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Malim Gunung Perhutanan dan komuniti rekreasi. Di antara lokasi pendakian yang terlibat ialah di negeri Perak (30 lokasi), Selangor (29 lokasi), Johor (28 lokasi), Pahang (22 lokasi), Kelantan (15 lokasi), Negeri Sembilan (13 lokasi), Kedah (10 lokasi), Terengganu (9 lokasi), Melaka (4 lokasi), Pulau Pinang (2 lokasi), Perlis (1 lokasi) dan di negeri Sabah (2 lokasi).

5. Secara keseluruhannya, lebih daripada 5,000 orang peserta telah menyertai acara pendakian ini, di mana rekod peserta teramai yang dicatatkan pada hari ini ialah di Selangor iaitu seramai 1,195 pendaki. Tahniah kepada JPSM kerana berjaya melakar sejarah dalam mencatatkan rekod baharu pada hari ini.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

6. Kita bersyukur, hutan di Malaysia adalah antara hutan yang mempunyai nilai yang tertinggi di dunia. Kepelbagaian spesies tumbuhan dan hidupan liar di hutan di Malaysia adalah jauh lebih kaya jika dibandingkan dengan saiz kawasan yang sama di tropika Afrika atau Amerika. Hutan merupakan aset semula jadi yang amat berharga kepada pembangunan sosio-ekonomi serta perkhidmatan ekosistem termasuk menjadi habitat kepada jutaan spesies flora dan fauna, menyediakan sumber bekalan air yang bersih dan oksigen untuk kelangsungan hidup serta menstabilkan iklim.
7. Melalui Sidang Kemuncak Rio pada tahun 1992, Malaysia sangat komited untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok. Sebagai negara megadiversiti, Malaysia turut mengharungi cabaran dalam pengurusan perhutanan dan biodiversiti, terutamanya masalah kepupusan spesies, kegiatan pemburuan haram, pembalakan haram dan kekurangan sumber untuk mengurus hutan dan biodiversiti.

8. Dalam catatan Diari 100 hari KSU KeTSA, terdapat tiga pencapaian yang berkaitan secara langsung dengan JPSM, iaitu:
- (i) Yang pertama adalah melibatkan Pembentangan Pindaan Akta Perhutanan. Pindaan akta ini telah berjaya dilaksanakan pada 18 Julai 2022 bagi memastikan kerangka perundangan perhutanan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa yang mencakupi aspek-aspek pencegahan pengambilan hasil hutan secara haram, serta menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan Hutan Simpanan Kekal;
  - (ii) Seterusnya, merupakan prestasi Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bersama pihak Komuniti dan Korporat Di Bawah Program Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok; dan
  - (iii) Akhir sekali adalah pelaksanaan Program *Reskill Upskill* Latihan Ekopelancongan Sumber Asli yang turut melibatkan kerjasama JPSM menerusi inisiatif Malim Gunung Perhutanan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**

9. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk pengurusan sumber asli, saya ingin memberi jaminan bahawa pelbagai inisiatif dan program mengenai pemuliharaan hutan dan biodiversiti akan terus dipergiat, ditambah baik dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa. Bagi sektor perhutanan, tumpuan khusus

akan diberikan kepada Agenda Nasional Penghijauan Malaysia bagi meningkatkan pemuliharaan hutan menerusi aktiviti penanaman pokok, rehabilitasi dan restorasi kawasan hutan terosot dengan kerjasama jitu Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

10. Saya berharap pihak JPSM dapat meneruskan usaha-usaha mendekati masyarakat dalam program-program ekopelancongan dan aktiviti perhutanan sosial. Usaha terkini JPSM dalam memperkenalkan Malim Gunung telah berjaya melonjakkan nama JPSM di kalangan masyarakat sehingga berjaya melibatkan komuniti rekreasi keluar menyokong program pendakian 121 puncak bagi meraikan sambutan ulang tahun JPSM ke-121.
11. Di akhir ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Program 121 Puncak pada petang ini. Pihak KeTSA akan terus memberikan sokongan kepada JPSM dalam menyebarkan luas agenda penghijauan dan promosi Program Malim Gunung Perhutanan agar hutan kita terus terpelihara.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b. t.

\*\*\*\*\*TAMAT\*\*\*\*\*